

Laksana wawasan IDB: Dr M

Negara OIC perlu pastikan perubahan ekonomi yang dilakukan berkesan

BH-23/3/2006

Oleh Azli Ayob

KEBERKESANAN pelaksanaan Wawasan 1440 Hijrah lebih penting daripada pelan itu sendiri jika mahu memastikannya mampu membawa perubahan ekonomi kepada masyarakat Islam sedunia.

Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata bagi menjayakan wawasan itu, negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mesti sedia melaksanakannya manakala rakyat rela menerima perubahan yang dibawa.

"Tidak kira sebegus manapun pelan itu, namun apa yang lebih penting adalah keberkesanan pelaksanaannya," katanya dalam ucapan pembukaan Mesyuarat Suruhanjaya

“*Dalam buat perubahan, sekiranya berlaku kegagalan kita perlu buat beberapa pengubahsuaian”*

Dr Mahathir Mohamad
Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440
Hijrah Bank Pembangunan Islam

Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) Ketiga di Kuala Lumpur, semalam.


Pada mesyuarat hari pertama semalam, 13 anggota Suruhanjaya Wawasan itu membincangkan beberapa cadangan dan isu yang akan diketengahkan ke arah pelaksanaannya kelak. Mesyuarat itu akan berakhir esok.

Wawasan 1440 Hijrah yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menjadi panduan kepada kumpulan kerja IDB dalam merangka strategi ke arah membawa perubahan ekonomi, pembangunan dan kemakmuran di kalangan negara Islam.

"Dalam membuat perubahan itu, sekiranya berlaku kegagalan kita perlu membuat beberapa pengubahsuaian yang perlu," kata Dr Mahathir lagi.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin, berkata Malaysia sedia berkongsi pengalamannya mendukung konsep Islam Hadhari dalam membangunkan IDB sejajar hasrat bank itu menjadi bank pembangunan bertaraf dunia di bawah Wawasan 1440 Hijrah IDB.

Katanya, konsep Islam Hadhari atau Islam Bertamadun seperti yang diterima pakai oleh Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan, selaras Rukun Islam yang meningkatkan kualiti kehidupan dan pencapaian kecemerlangan dalam semua bidang.



TETAMU KEHORMAT: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (kanan) bersalam dengan Dr Mahathir pada majlis makan malam sempena Mesyuarat Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah IDB Ketiga, di Kuala Lumpur, malam tadi.